

Amalan Sosiobudaya Di Dalam Novel Terjemahan Terpilih Harry Potter: Analisis Wacana Kritis

Jamilah Bebe Binti Mohamad
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 25300 Gambang
Pahang, MALAYSIA
Email: ella_jamilahbebe@yahoo.com

Abstrak—Makalah ini akan membincangkan aspek amalan sosiobudaya yang terdapat di dalam tiga novel terjemahan terpilih Harry Potter. Amalan sosiobudaya merujuk kepada perbuatan, tingkah laku, amalan dan gaya hidup yang mempengaruhi sesuatu masyarakat. Konsep sosiobudaya ini sering menaungi dan diamalkan oleh kebanyakan masyarakat penduduk dunia. Dalam kertas kerja ini amalan sosiobudaya yang dibincangkan berfokus kepada aspek ideologi, politik dan ekonomi. Perbincangan dalam kertas kerja ini akan memanfaatkan gagasan teori yang diperkenalkan oleh Fairclough (1995) iaitu Konsepsi Analisis-Tiga Dimensi Wacana. Data kajian ini ialah pelbagai petikan contoh daripada sumber primer. Sumber primer data bagi kajian ini ialah teks di dalam tiga novel terjemahan Harry Potter karya J. K. Rowling yang dipilih. Analisis dan perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini hanya akan memaparkan contoh data yang terpilih kerana pemilihan contoh data adalah bersifat mewakili. Perbincangan menunjukkan sememangnya terdapat amalan sosiobudaya seperti yang disarankan oleh Fairclough (1995) yang diamalkan oleh masyarakat dalam novel ini. Namun demikian, sesuai dengan penghasilan novel ini yang berlatar belakang masyarakat ahli sihir maka amalan sosiobudaya yang dipaparkan dalam novel ini menunjukkan persamaan dan perbezaan dengan amalan sosiobudaya masyarakat biasa dan masyarakat ahli sihir.

Kata kunci—amalan sosiobudaya; novel terjemahan Harry Potter; analisis wacana kritis; ideologi; politik; ekonomi

1. PENGENALAN

Analisis wacana kritis telah diperkenalkan oleh Harris (1952), iaitu merupakan satu pendekatan untuk menganalisis aspek teks dan konteks dalam wacana pendekatan ini diperkenalkannya melalui penghasilan satu kertas kerja yang mencetuskan rasa tidak puas hati beliau terhadap tatabahasa ayat (Henry Guntur Tarigan, 1995: 30). Seterusnya, pendekatan ini berkembang menjadi analisis wacana kritis melalui hasil kerja yang dilakukan oleh Roger, Fowler dan rakan sejawatnya, iaitu Hodge, Kress dan Trew (Fairclough, 1992: 25). Menurut kelompok ini, linguistik kritis bertujuan untuk menafsir teks pada landasan linguistik. Meskipun pelbagai teks diteliti, prinsip penggerak di sebalik analisis berkenaan adalah untuk meneroka nilai sistem dan set kepercayaan sosial yang terkandung di dalam teks-teks berkenaan. Komponen asas dalam pegangan linguistik kritis ialah keyakinan bahawa bahasa merupakan hasil dan amalan sosial. Sebagai bentuk panduan perlakuan sosial, bahasa tidak akan dan tidak dapat dielakkan daripada konteks. Oleh itu, tokoh aliran ini berusaha untuk menggabungkan kaedah linguistik yang menganalisis teks dengan fungsi sosial bahasa. Dengan erti kata lain, analisis wacana kritis merujuk kepada bidang kajian linguistik yang meneliti sesuatu teks, sama ada teks lisan atau bertulis secara menyeluruh dan fungsi sosial bahasa dalam teks yang dimaksudkan. Secara am, fungsi sosial bahasa inilah yang dirujuk sebagai konteks.

Teun A. van Dijk (1988) merupakan lulusan dari Universiti Amsterdam, Belanda yang banyak membicarakan analisis wacana kritis dalam konteks sosial dan masyarakat. Menurut beliau, wacana mempunyai tiga dimensi, iaitu teks, kognisi sosial dan konteks sosial (Eriyanto, 2001: 225). Ketiga-tiga dimensi digabungkan lalu menghasilkan satu analisis wacana kritis. Teun A. van Dijk (1988) memberikan definisi Analisis Wacana Kritis (CDA) sebagai yang berikut:

“Critical discourse analysis (CDA) is a type of discourse analytical research that primarily studies the way social power abuse, dominance, and inequality are enacted, reproduced, and resisted by text and talk in the social and political context. With such dissident research, critical discourse analysts take explicit position, and thus want to understand, expose, and ultimately resist social inequality.”

Berdasarkan petikan tersebut, jelas bahawa tujuan utama analisis wacana kritis adalah untuk merungkai cara kekuasaan, dominasi dan ketidakadilan diamalkan, dihasilkan atau dilawan oleh teks bertulis ataupun perbincangan dalam amalan sosial dan politik.

Amalan sosiobudaya ialah analisis konteks sosiobudaya yang tidak terdapat dalam teks. Konteks sosiobudaya ini dipercayai mampu mempengaruhi cara penghasilan sesuatu wacana dan berkait dengan aspek sosiokognitif (Fairclough, 1989). Analisis sosiobudaya juga boleh memperlihatkan budaya yang dominan dalam masyarakat tersebut yang diguna pakai dan disebarluaskan melalui penghasilan sesuatu bentuk wacana. Hal ini demikian kerana amalan sosiobudaya boleh merangkumi pelbagai aspek, seperti falsafah, kepercayaan, ekonomi dan politik yang legap di dalam sesuatu wacana (Idris Aman, 2006). Kadangkala terdapat juga penghasilan sesuatu wacana itu berorientasikan pelbagai aspek sosiobudaya yang melatari masyarakat pendukungnya. Fairclough (1992) mengatakan bahawa aspek ini sukar untuk disenaraikan seperti analisis teks dan amalan wacana. Oleh itu, aspek sosiobudaya yang ingin dianalisis mungkin boleh dilakukan melalui pelbagai aras organisasi sosial seperti keperihalanan atau konteks keadaan dan situasi, institusi, sosial dan budaya yang luas (Fairclough, 1995: 134).

Menerusi usaha untuk melahirkan teori sosial bahasa yang menggabungkan kaedah analisis wacana berorientasikan linguistik, pemikiran sosial dan aspek politik yang sesuai dengan wacana dan bahasa. Fairclough (1995) telah memaknakan wacana sinonim dengan 'language use, parole, dan performance', yang melibatkan bahasa penggunaan lisan atau bertulis, serta diperluaskan meliputi amalan semiotik, fotografi dan komunikasi tanpa suara seperti pergerakan anggota fizikal atau komunikasi bukan verbal. Beliau menganggap analisis wacana merupakan analisis bagaimana teks berperanan dalam praktis sosiobudaya. Analisis demikian memerlukan pemerhatian terhadap bentuk tekstual, struktur, dan organisasi di semua aras termasuk aspek budaya yang melatarinya.

Fairclough (1995) merujuk wacana sebagai bentuk praktis sosial yakni bukan setakat aktiviti individu atau menggambarkan angkuh situasi sahaja, tetapi turut merujuk kepada usaha menjelaskan persoalan yang berkaitan dengan pelbagai orientasi seperti ekonomi, politik, budaya, ideologi dan sebagainya. Penghuraian ini membolehkan pemahaman yang jelas terhadap sesuatu penghasilan, penyebaran dan kegunaan teks wacana yang terhasil. Hal ini secara tidak langsung akan mengukuhkan lagi tahap penerimaan dan pemahaman berkaitan wacana yakni pembaca akan lebih mendalami sesuatu teks apabila aspek amalan sosiobudaya dimuatkan selepas amalan wacana.

Seterusnya, Fairclough (1995), mengatakan bahawa adalah penting untuk melihat sesuatu teks wacana itu sebagai praktis sosial. Melalui sesebuah teks wacana elemen praktis sosiobudaya dapat digambarkan iaitu:

- (i) Satu cara tindakan, iaitu manusia mungkin bertindak ke atas dunia dan terutamanya ke atas satu sama lain sebagai salah satu cara representasi hal-hal tertentu. Oleh itu, teks wacana dianalisis untuk mengetahui tujuan sesuatu lakuan bahasa tertentu.
- (ii) Ada pertalian dialektikal antara wacana dan struktur sosial, seumpama pertalian antara praktis sosial dan struktur sosial, yang mana struktur sosial merupakan syarat dan akibat bagi amalan wacana.

Oleh itu, jelaslah bahawa aspek elemen praktis sosiobudaya sememangnya terangkum di dalam sesebuah teks wacana sama ada dinyatakan secara jelas atau memerlukan pemahaman pembaca untuk memahaminya. Hal ini selaras dengan pandangan (De Saussure, 1966) bahawa konsep manusia, bahasa dan budaya merupakan dalam konteks hubungan perkara, benda, dan peristiwa dengan lambang. Hubungan timbal balik yang tetap akan berlaku dan perlu diterima samalah seperti teks wacana yang sememangnya termuat elemen praktis sosiobudaya. Analisis wacana juga merupakan satu bidang yang merangkumi pelbagai ilmu disiplin lain seperti sosiologi, psikologi, antropologi dan linguistik itu sendiri. Hal ini jelas terbukti melalui skema Stalpers. J. (Wong Khok Seng, 1992: 438). Dengan itu, terbuktilah bahawa sesuatu wacana merangkumi pelbagai aspek sosiobudaya, walaupun aspek ini tidak kelihatan secara langsung.

2. NOVEL TERJEMAHAN TERPILIH HARRY POTTER

Novel Harry Potter merupakan tujuh karya bertulis dalam bentuk siri yang dihasilkan oleh penulis British J. K. Rowling. Novel bersiri ini telah dijual lebih daripada 400 juta salinan, diterjemahkan kepada 67 bahasa yang terdapat di dunia (BBC News. (Rowling 'makes £5 every second' 3 October 2008) dan empat siri yang terakhir mencatatkan rekod sebagai karya yang paling cepat terjual dalam sejarah. Karya ini bukan sahaja popular sebagai sebuah novel malah turut diadaptasikan ke dalam bentuk filem.

Dalam kedua-dua mode persembahan karya ini, pembaca atau penonton dibawa meneroka kehidupan ahli sihir Harry Potter, Ronald Weasley, Hermione Granger dan rakannya yang lain yang dididik untuk menjadi ahli sihir di Hogwarts. Fokus utama dalam semua cerita Harry Potter ialah kronikal atau babad Harry Potter menentang ahli sihir gelap Lord Voldemort.

Sebagaimana yang dinyatakan, novel Harry Potter boleh dianggap sebagai genre khayalan, kesusasteraan kanak-kanak atau babad perkembangan kanak-kanak menjadi dewasa (chronicles of coming of age) dengan tema utama 'kematian' dan tema sampingan, seperti prejudis dan sogokan.

Novel Harry Potter boleh dikatakan wacana yang secara amnya dianggap sebagai komunikasi dalam bentuk pertuturan atau bertulis. Dalam hal ini, novel Harry Potter mengandungi unsur yang disebut sebagai teks dan konteks yang memaparkan amalan sosiobudaya. Kajian ini cuba menganalisis aspek amalan sosiobudaya di dalam tiga siri novel terjemahan dalam bahasa Melayu Harry Potter, iaitu siri pertama Harry Potter dengan Batu Hikmat (Harry Potter and the Sorcerer's Stone) siri kedua Harry Potter dan Bilik Rahsia (Harry Potter and the Secret Chamber) dan siri ketiga Harry Potter dengan Banduan Azkaban (Harry Potter and the Prisoner of Azkaban). Ketiga-tiga novel Harry Potter yang dipilih ialah buku asal terjemahan terbitan Pelangi Sdn. Bhd, bukannya buku terjemahan yang difotokopi atau dicetak melalui lawan sesawang.

3. TEORI DAN METODOLOGI KAJIAN

Perbincangan dalam kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian yang lebih besar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan sebegini lazimnya digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu, terutamanya sains sosial. Kajian yang menerapkan pendekatan kualitatif bertujuan untuk menafsir dan mengupas fenomena sosial yang berlaku dalam kehidupan manusia dan masyarakat Sarjit Singh dan Zahid Emby (2010:73). Pendekatan sebegini bermatlamat untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang tingkah laku manusia dan faktor yang mendorong manusia bertindak sebegini. Berlatar belakangkan suasana dan keadaan semula jadi, pendekatan ini cuba mendapatkan gambaran menyeluruh sesebuah kajian. Hal ini berdasarkan definisi dan ciri-ciri yang dijelaskan oleh Creswell (2005: 39) dan Berg (2004: 7) iaitu:

“Qualitative research properly seeks answers to question by examining various social settings and the individuals who inhabit these settings. Qualitative researchers, then are more interested in how humans arrange themselves and their inhabitants of these settings make sense of their surroundings through symbols, rituals, social, structures, social roles and so fourth.”

Berdasarkan pandangan ini maka kajian ini cuba menganalisis seluruh aspek konteks yang terdapat di dalam teks yang dipilih. Berkaitan dengan analisis teks pula, pernyataan Dabbs (1982) sesuai untuk diaplikasikan apabila beliau menyatakan bahawa kajian yang bersifat kualitatif:


“Indicates that the notion of quality is essential to the natural things. Quality refers to the what, how, when, and where of the thing-its essence and ambience. Qualitative research thus refers to the meaning, concepts, definitions, characteristics, metaphors, symbols, and descriptions of things.”

Tujuan pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif di dalam kajian ini adalah untuk menyingkap pemikiran manusia yang dimanifestasikan dalam bentuk penulisan yang dipengaruhi oleh pengalaman, budaya dan konteks kehidupan mereka. Data teks daripada novel terjemahan Harry Potter dipilih kerana penghasilan novel bersiri sebegini banyak dipengaruhi oleh pengalaman budaya dan konteks kehidupan masyarakat tertentu. Faktor-faktor ini dianggap mempengaruhi penulis novel ini dalam menghasilkan novel tersebut. Kajian kualitatif ini akan dilaksanakan melalui dua peringkat, iaitu peringkat pengumpulan data dan analisis data. Oleh yang demikian, analisis dan perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini hanya akan memaparkan contoh data yang terpilih kerana pemilihan contoh data adalah bersifat mewakili. Berikut merupakan kerangka teoretis kajian ini yang diadaptasikan daripada Konsep Analisis Tiga-Dimensi Wacana yang diperkenalkan oleh Fairclough (1995):

3. PERBINCANGAN AMALAN SOSIOBUDAYA

Tiga aspek amalan sosiobudaya daripada lima elemen yang diperkenalkan oleh Fairclough akan dibincangkan dalam kajian ini. Ketiga-tiga aspek tersebut ialah ideologi, politik dan ekonomi. Fokus perbincangan kepada aspek ini kerana amalan sosiobudaya ini sangat penting dan berkait rapat dengan kehidupan manusia sebenar walaupun menerusi novel ini amalan sosiobudaya yang ditampilkan ialah amalan sosiobudaya kehidupan masyarakat ahli sihir dan manusia biasa (Muggle). Persamaan dan perbezaan yang terdapat diantara budaya kehidupan masyarakat manusia biasa dan masyarakat ahli sihir sudah tentu menjadi tarikan utama dalam novel terjemahan ini sehingga berjaya menyihir berjuta-juta pembaca di seluruh dunia.

Skema 1.1: Kerangka Teoretis Kajian ini



A. Amalan Sosiobudaya Ideologi

Ideologi juga merupakan satu konsep yang penting dalam analisis wacana kritis. Hal ini adalah kerana teks, percakapan, dan lain-lain penyampaian merupakan satu bentuk penyebaran ideologi, atau pencerminan dari ideologi tersebut. Teori-teori klasik tentang ideologi di antaranya mengatakan bahawa ideologi dibangunkan oleh kelompok yang dominan dengan tujuan untuk mereproduksi atau menghasilkan dan membentuk pengaruh ke atas dominansi mereka. Penyebaran ideologi ini telah menggunakan beberapa strategi supaya ianya dapat diterima dan mempengaruhi orang lain secara keseluruhannya dan bukannya hanya perlakuan sementara sahaja.

Ideologi yang diterima pakai akan digunakan secara seharian oleh orang yang dipengaruhi seperti cara perlakuan, arus dan aliran pemikiran dan juga tindakan yang dilaksanakan oleh pelaku tersebut. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002: 476), ideologi ialah fahaman yang dipakai atau dicita-citakan untuk sesuatu dasar. Contohnya, teks berita yang memaparkan berita tentang isu semasa yang berlaku di Malaysia, maka teks tersebut dapat dianalisis apakah teks yang muncul tersebut merupakan pencerminan dari ideologi seseorang sama ada ianya feminis, antifeminis, kapitalis, sosialis dan sebagainya.

- Ideologi Penamaan Watak

Ideologi penamaan watak dapat dilihat menerusi novel terjemahan Harry Potter iaitu melalui pemilihan watak yang dipilih, contohnya watak Molly Weasley oleh penulis J.K. Rowling. Penamaan watak Molly Weasley yang bersifat sosialis iaitu ibu kepada kawan baik Harry Potter yakni Ronald Weasley. Nama

"Molly" mungkin berasal daripada perkataan "molycoddle" dalam bahasa Inggeris yang bermaksud terlalu melindungi seseorang. Hal ini selaras dengan tindakannya yang terlalu melindungi dan risau akan keselamatan anak-anaknya termasuk keselamatan Harry Potter. Hal ini boleh dilihat akan adanya jam waktu yang memaparkan lokasi semua ahli keluarganya berada dan menunjukkan sekiranya mereka berada dalam bahaya. Arthur Weasley memanggilnya dengan nama "Mollywobbles". Ketakutannya adalah kematian anggota keluarga atau orang-orang yang disayanginya. Hal ini sangat wajar, kerana saudaranya, Gideon dan Fabian Prewett, mati terbunuh. Peristiwa itu menyebabkan Molly benar-benar risau akan keselamatan keluarganya. Melalui penamaan watak Molly Weasley penulis sebenarnya cuba menyatakan bahawa nama sesuatu watak diberikan adalah bersesuaian dengan perwatakan dirinya. Pemikiran sebegini sebenarnya dipengaruhi oleh ideologi bahawa nama seseorang adalah penting dalam memastikan perlakuan dan tindakannya. Ideologi ini juga dapat dilihat menerusi kehidupan masyarakat diluar yang sememangnya mengamalkan pemikiran sebegini. Contohnya, dalam masyarakat Islam pemilihan nama adalah sangat penting kerana melalui nama tersebutlah personaliti dan juga identiti seseorang akan dibentuk. Melihat pula kepada watak-watak lain yang wujud dalam novel bersiri ini, didapati semuanya mempunyai simbolik dan mesej yang tersendiri iaitu terdapat makna yang tersirat di sebalik nama mereka.

Seterusnya, merujuk kepada watak Harry Potter, perkataan Harry adalah diambil daripada perkataan bahasa Latin iaitu "Harold" yang bererti Panglima Perang. Nama Potter pula diambil sempena nama jiran dan juga merupakan kawan sekolahnya ketika beliau masih kecil. Hal ini merujuk kepada perwatakan yang dibawa oleh Harry Potter yang amat berani walaupun ketika beliau masih kecil iaitu ketika berusia 11 tahun. Perkataan panglima perang ini digunakan kerana watak Harry Potter yang sangat berani, sedia bertarung dengan apa sahaja dan berasa bertanggungjawab melindungi orang lain daripada mendapat malapetaka. Hal ini dapat dilihat melalui watak Harry Potter dan Bilik Rahsia (2) yang menggambarkan Harry Potter bersedia untuk berlawan dengan ular Basilisk. Ular Basilisk ialah seekor ular raksasa yang sangat beracun dan pandangan mata ular itu juga boleh membunuh seseorang dengan mengambil masa beberapa minit. Harry sanggup lakukan apa sahaja demi menyelamatkan Ginny Weasley iaitu adik kepada Ron Weasley yang merangkap sebagai kawan baiknya. Sikapnya yang berani ini telah berjaya menyelamatkan Ginny Weasley daripada menjadi mangsa Tom Riddle secara bersendirian.

Berdasarkan siri novel Harry Potter dengan Batu Hikmat (1), Harry Potter menunjukkan sikapnya yang berani kerana bertindak mengambil risiko untuk masuk ke sebuah lorong untuk sampai ke Bilik Rahsia yang menempatkan Batu Hikmat daripada pandangan umum. Pada mulanya, Harry menyangka bahawa dia harus berlawan dengan Profesor Snape yang merupakan suspek pencuri Batu Hikmat tersebut, lalu Harry mengambil keputusan untuk masuk ke lorong itu juga walaupun dia mengetahui Profesor Snape mempunyai kemahiran sihir yang jauh lebih tinggi daripadanya dan boleh menentanginya dengan senang. Oleh kerana, semangatnya yang berkobar-kobar dan keberanian yang dimilikinya, Harry berhempas pulas melawan dan menghalang Profesor Snape daripada mencuri Batu Hikmat tersebut.

Seterusnya, nama watak Ronald Weasley pula adalah berasal daripada kata "Running Weasel" yang bermaksud penasihat raja. Nama ini juga merujuk kepada seorang pemain catur yang handal dan menjadi juara catur pada Dinasti Keenam. Novel ini juga menggambarkan watak Ronald Weasley atau Ron juga sebagai seorang pemain catur sihir yang hebat. Hal ini boleh dilihat apabila Ron berjaya mengalahkan catur sihir Profesor McGonagall yang diletakkan di depan pintu Bilik Rahsia sebagai penjaga pintu itu. Pintu itu terbuka selepas Ron berjaya memenangi permainan catur sihir ini. Di dalam permainan catur ini Ron dengan rela hati mengorbankan dirinya yang menjadi buah catur hitam supaya dimakan oleh buah catur putih agar Harry Potter dan Hermione berjaya melepasi halangan catur sihir tersebut dan menuju ke destinasi seterusnya untuk memburu pencuri Batu Hikmat agar cubaan pencurian tersebut tidak berjaya. Nama watak Hermione Granger pula adalah bermaksud "si pembawa pesan" dalam bahasa Latin. Namun dalam mitologi Yunani pula, Hermione disamakan dengan Hermes, "The Messenger of the Gods" yang merujuk kepada seseorang yang ditugaskan sebagai penyampai pesanan daripada Tuhan. Hal ini adalah selaras dengan sikap dan perwatakan Hermione yang sering membawa dan menyampaikan pesanan kepada rakan-rakannya terutamanya kepada Harry Potter dan Ronald Weasley.

Selain itu, nama watak pengetua Sekolah Sihir Hogwarts iaitu Albus Dumbledore berasal daripada istilah bahasa Latin. Albus adalah bererti 'putih' manakala Dumbledore pula berasal daripada istilah Inggeris kuno yang bermaksud "lebah besar yang berbulu". J.K Rowling telah mendedahkan sebab beliau memilih watak pengetua ini dinamakan Albus Dumbledore kerana menggambarkan sebagai seorang yang telah lanjut usia, berjanggut putih dan panjang serta mengeluarkan suara berdengung mirip dengan dengungan lebah. Merujuk pula kepada Geomancay (sejenis Feng Shui) istilah Albus bererti sebagai "yang bijak, penyelesaian yang baik dan yang tercerahkan"; makna ini dapat merujuk kepada watak Albus Dumbledor sebagai penyelesaian masalah dan menggunakan kaedah yang berhemah dalam menyelesaikan segala masalah yang

melanda dan membuat keputusan yang bertolak ansur dalam setiap tindakan beliau. Contohnya, apabila semua pihak ingin mengusir Hagrid daripada Hogwarts, beliau sebaliknya telah menjadikan Hagrid sebagai penjaga Mergastua di Hogwarts. Hagrid juga telah memberi bantuan kepada Harry untuk melawan Tom Riddle dengan menghantar Topi Pengisih dan burung Phoenix.

Selain daripada ideologi berkaitan nama watak, bagi mengembangkan novel terjemahan ini J.K Rowling turut memfokuskan juga kepada simbol, benda, istilah serta perkara lain yang berkaitan dengan dunia sihir bagi menampakkan seolah-olah dunia sihir ini benar-benar wujud. Pemilihan semua aspek ini adalah berdasarkan ideologi tertentu. Contohnya seperti yang berikut:

- **Ideologi Penamaan Binatang**

Pemilihan dan penamaan binatang di dalam novel terjemahan ini juga dipilih berdasarkan ideologi tertentu oleh J. K. Rowling. Contohnya burung hantu (The Owl), burung hantu adalah dikenali sebagai satu simbol kebijaksanaan dan mempunyai pengetahuan yang tinggi. Namun pada hakikatnya simbol burung hantu adalah berasaskan kepada Kabbalah, iaitu merujuk pada ritual Osirian Mesir Kuno yang mewakili Dewi Iblis yang bernama Lilith. Burung hantu telah sekian lama menjadi simbol bagi Okultisme, Shamanisme dan juga beberapa ritual Luciferian (penyembahan syaitan). Merujuk kepada mitologi Okultisme, Dewi Iblis Lilith dianggap sebagai isteri pertama Adam iaitu sebelum Eva (Hawa). Oleh kerana sikapnya yang tamak ingin menguasai semuanya termasuklah memiliki Adam seorang diri, maka dia telah dihukum dan dicampak ke bumi. Di bumi, dia telah berkahwin pula dengan Lucifer yang mana turut dibuang ke bumi juga dari Syurga. Perkahwinan tersebut telah melahirkan Baphomet, iaitu manusia setengah haiwan ataupun dikenali juga sebagai Kambing Iblis (Goat Mendez). Sejak dari itu, burung hantu telah menjadi simbol utama Gereja Syaitan, dan burung hantu diambil sebagai simbol bagi masyarakat Okultisme. Menerusi novel terjemahan Harry Potter ini, burung hantu digunakan sebagai penghantar surat ataupun pesanan daripada satu pihak kepada pihak yang lain. Contohnya surat daripada Harry Potter kepada bapa angkatnya Black Sirius dengan menggunakan burung hantunya iaitu menggunakan khidmat Hegwid.

Selain itu, kucing merupakan sejenis binatang yang menjadi pujaan pada zaman Mesir Kuno. Pada zaman Firaun, kucing bukan sahaja menjadi haiwan kesayangannya malah menjadi seekor haiwan yang rapat dengan amalan sihir Osirian Mesir. Kucing hitam pula di dalam mitologi Barat dan Okultisme diberi gelaran The Devil Cat (kucing syaitan) dan dipercayai sekiranya kucing tersebut melangkah jenazah atau mayat, maka mayat tersebut akan bangkit semula. Terdapat dua ekor kucing yang dipaparkan oleh J.K Rowling dalam ketiga-tiga novel bersiri ini iaitu Puan Norris (Kucing Argus Filch) dan juga Crookshanks (Kucing Hermione Granger). Merujuk kepada Crookshanks, kucing yang dimiliki oleh Hermione Granger ini memiliki keturunan haiwan ajaib Kneazle yang mempunyai kepintaran sehingga boleh mengenalpasti Animagus seperti Scabbers belaan Ronald Weasley. Sirius Black juga merupakan Animagus dan dapat meyakinkan Crookshanks untuk membantunya kerana sikap kucing itu yang boleh mengecam sesuatu dengan cepat. Crookshanks juga memiliki sikap yang benci terhadap penipuan dan pembohongan. Binatang ini akan merenung seolah-olah tidak bersetuju dengan sikap Ronald Weasley dan Harry Potter yang ingin mengabaikan kerja rumah mereka. Tindakan Crookshanks sebegitu mengingatkan mereka kepada Hermione.

Ular merupakan satu watak yang penting dalam novel bersiri terjemahan Harry Potter yang pertama dan kedua. Pada awal penceritaan, Harry Potter mula menyedari bahawa dia memahami bahasa ular dan mula berkomunikasi dengan ular menggunakan bahasa Parseltongue ketika dia melawat zoo bersama-sama keluarga mak ciknya. Kemudiannya, pada novel terjemahan siri yang kedua terdapat ular yang bernama Basilisk yang merupakan penjaga keturunan Salazar Slytherin yang boleh mengenalpasti keturunan tersebut ataupun tidak. Ini memberi gambaran terhadap fahaman Okultisme yang mempercayai ular merupakan ideologi kebijaksanaan. Di dalam Islam juga dinyatakan di dalam beberapa hadis Nabi Muhammad SAW menyuruh membunuh ular sekiranya setelah tiga hari dihalau tetapi tidak pergi kerana ianya adalah jelmaan jin kafir.

- **Ideologi Penamaan Benda**

Siri yang pertama novel, iaitu Harry Potter dan Batu Hikmat terdapat sebuah cermin yang boleh menunjukkan pencapaian keinginan seseorang yang dipanggil The Mirror of Erised. J.K Rowling telah menggunakan sebuah anagram dengan menulis perkataan "Desire" sebagai "Erised". Anagram merupakan satu bentuk perkataan yang digunakan oleh pejuang Templar dan juga pengamal Okultisme yang bertujuan untuk menyembunyikan mesej rahsia mereka daripada bocor dan diketahui oleh pihak lain. Perkara yang

am juga dipaparkan oleh J. K. Rowling di dalam novel terjemahan Harry Potter, iaitu melalui keinginan hati Harry Potter untuk melihat kedua ibu bapanya, maka cermin tersebut telah memaparkan imej mereka berdua yang membolehkan Harry melepaskan kerinduannya.

Menurut kepercayaan Okultisme, cermin merupakan alat yang utama dalam melihat masa lalu dan juga masa depan iaitu dengan meramalkannya. Harry Potter mula menggunakan cermin tersebut dan berasa amat bahagia kerana dapat melihat ibu bapanya. Seterusnya, ketika dia ingin mencari Batu Hikmat, dia melihat cermin tersebut lalu dipaparkan lokasi batu itu. Hal ini demikian kerana Harry Potter yang berniat baik untuk mencari batu tersebut tanpa mempunyai niat untuk memilikinya. Hal demikian menggambarkan cermin tarsah melakukan ramalan hanya kepada orang yang benar-benar bersih hatinya dan bukannya untuk memenuhi keinginan hati yang jahat.

- Ideologi Kelas Sosial Masyarakat

Dalam siri novel Harry Potter ini juga dipaparkan ideologi tentang perbezaan kelas sosial masyarakat yang muncul dalam dunia sihir sama seperti dunia nyata. Kelas sosial yang digambarkan akan mewakili cara mereka berinteraksi dengan orang lain, cara pergaulan dan juga pendidikan yang dimiliki oleh mereka jelas menunjukkan perbezaan antara satu sama lain. Kelas sosial yang terdapat dalam siri novel Harry Potter ini adalah terdiri daripada kelas atasan iaitu keluarga Malfroy, kelas menengah atas mewakili keluarga Dursley, kelas menengah bawah pula merujuk kepada keluarga Weasley dan kelas bawahan pula ditujukan kepada Hagrid iaitu sebagai seorang pekerja suruhan.

Watak-watak yang dipaparkan oleh J.K Rowling iaitu antara keluarga Harry Potter, Ronald Weasley dan juga Draco Malfroy terbukti adanya perbezaan ideologi berkaitan kelas masyarakat dalam penceritaan novel terjemahan ini. Harry Potter digambarkan seorang yang miskin, (walaupun dia diwasiatkan wang simpanan yang banyak dalam bank Gringgot) yatim piatu, hidup menumpang dengan keluarga makciknyanya dan terpaksa menempuh kehidupan yang memeritkan kerana mendapat layanan yang buruk oleh keluarga Vernon Dursley. Dia terpaksa tinggal di dalam almari di bawah tangga dan menjadikan tempat itu sebagai tempat tidurnya, barang-barang sekolah pula diperolehi olehnya apabila sepupunya Dudley berasa puas menggunakannya dan barang tersebut telah rosak. Contohnya, baju sekolah Harry Potter yang diperolehinya dengan hasil rendaman baju-baju lama Dudley dengan warna supaya sama dengan uniform pelajar lain ketika dia akan memasuki sekolah baru. Berikut merupakan contoh petikan yang menunjukkan Harry dan Mak Cik Petunia berbual tentang baju tersebut:

“Apa ni?” tanya Harry Potter

“Uniform sekolah kamu,” jawab makciknyanya

“Oh, saya tidak tahu pula baju sekolah saya perlu basah begini”

“Jangan jadi bodoh, Mak Cik sedang warnakan beberapa helai pakaian Dudley dengan warna kelabu untuk kamu. Apabila selesai nanti, pakaian ini akan kelihatan sama dengan orang lain.

(Sumber: Harry Potter dan Batu Hikmat (1): 34)

Petikan ini menggambarkan layanan yang diterima oleh Harry Potter yang terpaksa menerima apa-apa sahaja pemberian daripada keluarga Dursley walaupun apa jua benda tersebut. Tambahan pula pada ketika ini dia tidak mempunyai wang sendiri dan masih kanak-kanak kerana baru sahaja mencapai umur sebelas tahun. Pemaparan kisah ini menggambarkan Harry Potter sebagai seorang yang mewakili kelas menengah yang harus berjuang dalam kehidupan sehari-harinya. Hal ini terbukti dengan penerangan Harry Potter kepada Ronald Weasley bahawa dia tidak mempunyai wang Muggle. Berikut merupakan contoh perbualan Harry dan Ron berkaitan hal tersebut:

“Sudah hampir enam tahun keluarga Dursley tak pernah beri saya wang!” jawab Harry Potter setelah ditanya oleh Ronald Weasley tentang wang Muggle bagi membolehkan mereka membeli tiket kereta api biasa untuk ke sekolah Hogwarts.

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 65)

Hal ini menunjukkan Harry tidak mempunyai kuasa langsung sama ada untuk berbelanja atau pun membeli keperluan dirinya sendiri kerana dia tidak memiliki wang. Oleh sebab itu, sudah tentu seperti petikan diatas, dia tidak dapat membeli tiket kereta api untuk pergi ke sekolahnya tanpa wang.

Watak Draco Malfroy yang lahir dan dibesarkan dalam kalangan keluarga ahli sihir turun temurun yang kaya raya. Hidupnya senang lenang dan segala kemahuannya senang diperolehi disebabkan oleh kuasa wang dan pengaruh yang dimiliki oleh keluarga Malfroy tersebut. Disebabkan hal ini, Draco mulai menunjukkan sikapnya yang sombong, egois, bersikap kejam terhadap pembantu rumahnya, iaitu si Dobby, dan sentiasa mahu menang dalam apa juga keadaan. Dia sememangnya dibesarkan dalam kalangan keturunan yang digeruni sehingga mampu mempengaruhi orang lain. Hal ini jelas terbukti apabila Draco berjaya mempengaruhi dua orang sahabat baiknya iaitu Crabbe dan Goyle supaya sentiasa menemani dan menyokongnya. Perwatakan Draco sama seperti bapanya Lucius Malfroy yang bersikap perkauman dan menunjukkan kebencian mereka secara terang-terangan terhadap golongan ahli sihir yang bukan berdarah tulen (Muggle). Contohnya apabila Draco Malfroy mencemuh Hermione dengan berkata:

“Tiada siapa yang bertanya pendapat kamu, darah lumpur yang kotor!”kata Draco Malfroy selepas Hermione cuba membidas Draco Malfroy dan kawan-kawannya yang telah mempersenda penyapu terbang yang digunakan oleh anggota pasukan Quidditch Gryffindor. Kata-kata yang dilemparkan itu disertakan sekali dengan riak muka yang jijik terhadap Hermione.

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 109)

“Perkataan itu merupakan perkataan yang paling hina yang boleh difikirkan Draco Malfroy. Darah lumpur sebenarnya merupakan gelaran yang tak baik untuk seseorang yang berdarah Muggle..kamu tahu bukan..yang keluarganya bukan keluarga ahli sihir. Sesetengah ahli sihir seperti keluarga Malfroy itu, menganggap mereka lebih baik daripada orang lain hanya perkara itu.” Terang Ronald Malfroy kepada Hermione tentang cemuhan yang dikatakan oleh Malfroy terhadap Hermione.

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 110)

Berdasarkan contoh di atas maka terbuktilah bahawa Draco Malfroy memang memandang rendah terhadap golongan ahli sihir yang berdarah bukan tulen seperti Hermione. Mereka dikatakan tidak layak untuk berkawan rapat dengan golongan yang berdarah tulen kerana kemuliaan keturunan mereka adalah penting bagi keluarga Malfroy dan sentiasa perlu dijaga.

Watak Ronald Weasley digambarkan sebagai golongan kelas pertengahan iaitu dalam kelas menengah rendah dan hidup dalam keadaan sederhana saja. Malahan ibunya, Molly Weasley yang tidak bekerja menjaga kesemua anak-anaknya dan menguruskan perbelanjaan keluarga mereka dengan teliti supaya pembaziran tidak berlaku dan merugikan mereka. Segala keperluan sekolah anak-anaknya diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang berikutnya. Contohnya jubah, tongkat dan juga buku-buku sekolah daripada abang-abangnya akan diwarisi oleh Ronald Weasley semasa dia menjejaki kaki ke sekolah Hogwarts. Hal ini dapat dibuktikan melalui kata-kata Ronald Weasley yang mengakui barang-barangnya adalah milik abang-abang dahulu.

“Saya anak keenam yang belajar di Hogwarts. Kamu tak akan mendapat sesuatu yang baru, walaupun kamu ada lima orang adik beradik. Saya pakai jubah lama Bill, tongkat sakti Charlie dan tikus tua Percy” sambil megeluarkan seekor tikus kelabu gemuk yang sedang tidur.

“Namanya Scabbers dan tidak berguna. Tidur saja. Percy mendapat hadiah seekor burung hantu daripada ayah kerana terpilih menjadi pengawas, tetapi ibu dan ayah saya tidak mam... maksud saya, saya mendapat Scabbers.” Tambah Ronald Weasley lagi.

(Sumber: Harry Potter dan Batu Hikmat (1): 103)

Ketidakmampuan keluarga Weasley dalam menyediakan alatan persekolahan yang baru untuk setiap anaknya menggambarkan kedudukan keluarga tersebut yang berada di peringkat pertengahan dalam herarki sosial masyarakat sihir. Namun begitu, keluarga besar ini sangat bahagia kerana saling mengambil berat antara satu sama lain. Sekiranya dilihat pula terhadap fizikal ahli keluarga ini, didapati semua ahli keluarga

digambarkan berambut merah, wajah berbintik-bintik yang mana mencerminkan kehangatan. Walaupun mereka tidak mempunyai wang yang banyak tetapi hidup dengan gembira setiap hari, ditambah pula dengan adanya Fred dan George Weasley anak kembar pasangan ini yang sentiasa mempunyai idea bagi menceriaan keadaan.

Melihat kepada perbezaan kelas sosial yang muncul dalam novel terjemahan ini, didapati anggota masyarakat pada peringkat kelas menengah hingga ke bawah (Harry Potter, keluarga Weasley dan Hagrid) adalah diberi gambaran mereka lebih bersikap terbuka dan tidak mempedulikan tentang status kelas sosial masing-masing dalam menjalin hubungan yang akrab antara satu sama lain. Sebaliknya, watak yang lahir dalam kelas sosial yang tinggi seperti Draco Malfoy dan juga keluarga Dursley terlalu menjaga status mereka. Golongan ini tidak akan bercampur dengan golongan dari kelas bawahan kerana bagi mereka boleh menjatuhkan status dan kedudukan mereka. Disamping itu, Lucius Malfoy iaitu bapa kepada Draco Malfoy menunjukkan rasa kebenciannya yang bertambah terhadap Arthur Weasley (bapa Ron Weasley) kerana menganggap Arthur sebagai seorang pencinta Muggle yang dianggap pelindung kepada golongan Muggle. Hal ini demikian kerana Lucius menganggap Muggle tidak setaraf dengannya kerana tidak berdarah tulen.

Meskipun novel terjemahan Harry Potter ini bertemakan kebaikan menentang kejahatan, namun sebenarnya siri novel ini banyak memfokuskan tentang pertentangan kelas sosial yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Paparan tentang pertentangan kelas bawahan terhadap kelas atasan ini diberi gambaran oleh penulis J.K Rowling dengan mengambil iktibar terhadap kehidupan sebenar beliau iaitu tempat beliau dilahirkan di Chipping Sodbury, berhampiran dengan Bristol, England dan juga tempat tinggalnya selepas beliau bercerai dengan suami pertamanya, iaitu di Endinburgh, Scotland. Disini kehidupan J.K. Rowling sangat susah kerana beliau tidak mampu untuk menyara kehidupannya bersama anak pertamanya iaitu Jessica. Seterusnya, kehidupan sebenarnya penuh dengan cemuhan dan kritikankerana masyarakat di kawasan tempat tinggalnya sangat mementingkan perbezaan kelas sosial masyarakat.

Secara keseluruhannya novel bersiri terjemahan Harry Potter ini memberi kritikan terhadap sistem aristokrat dan konservatif yang mana digambarkan mempunyai kedudukan teratas dalam sistem sosial sesebuah masyarakat. Kisah Harry Potter ini menunjukkan bagaimana perjuangan anggota kelas bawahan yang selalu tertindas, sentiasa menempuhi pelbagai ketidakadilan berjuang menegakkan kebenaran demi diri mereka sendiri dan juga keluarga tersayang. Melalui novel ini, penulisnya J.K. Rowling bertindak sebagai pencetus idea dengan mengajak semua masyarakat supaya mewujudkan sebuah masyarakat yang hidup bersama-sama, iaitu sebuah masyarakat tanpa perbandingan kelas sosial. Dengan itu, akan terbentuk masyarakat yang saling berkerjasama dan saling bantu membantu antara satu sama lain. Hal ini diberi gambaran dalam watak Harry Potter dan juga Albus Dumbledore yang sentiasa berbaik sangka antara satu sama lain meskipun Albus Dumbledore berasal dari kelas atasan. Hal ini dapat dibuktikan bahawa suatu hubungan kasih sayang yang didalamnya terkandung rasa simpati, tangungjawab akan lebih mudah diwujudkan dengan tanpa adanya perbezaan kelas dalam sesebuah masyarakat.

B. Amalan Sosiobudaya Politik

Politik merupakan satu cabang ilmu dan kemahiran. Hal ini adalah kerana politik mempunyai prinsip-prinsip dan disiplin-disiplin yang tertentu yang akhirnya membentuk satu cabang ilmu. Menurut Kamus Dewan (2000) politik dapat didefinisikan sebagai ilmu pengetahuan berkenaan cara atau dasar-dasar pemerintahan. Politik juga dipanggil ilmu siasah (berasal daripada bahasa Arab) atau ilmu kenegaraan. Politik Islam dikenali sebagai siasah syariyyah yang membawa maksud mengurus atau mengatur perkara mengikut syariat Islam seperti mana yang dibawa dan diperjuangkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Jadi, siasah (politik) tersebut bermaksud pengurusan dan pentadbiran orang yang diurus. Oleh yang demikian, politik dapat dikenalpasti sebagai satu tatacara pengurusan urusan-urusan manusia. Pihak yang melaksanakan urusan-urusan manusia tersebut dinamakan ahli politik (siasiyun). Dalam bahasa Arab, politik disebut Al-siasah yang bermaksud menguruskan sesuatu urusan dan memperbaikinya. Al-siasah atau politik dari sudut istilah pula mempunyai beberapa pengertian.

Politik juga dikatakan sebagai kemahiran kerana dalam realiti pelaksanaannya dan tidak mungkin terhad kepada semata-mata melaksanakan undang-undang yang bersifat teori dan pelaksanaan sebenar kekuasaan atau kekuatan tetapi juga menuntut kepakaran tertentu yang diperoleh melalui pengalaman dan pengetahuan mengenai kaedah-kaedah praktikal yang tertentu. Pemimpin pula disebut sebagai ulil amri yang bertindak sebagai pengurus, pengatur dan penjaga kepada rakyatnya. Sistem politik pula ialah satu struktur yang mengatur hubungan antara pemimpin-pemimpin dan orang bawahan.

Merujuk kepada ketiga-tiga siri novel Harry Potter ini, J.K Rowling turut menyentuh isu-isu politik dalam karyanya. Isu politik yang digarap oleh beliau adalah bersifat universal dan di kongsi bersama masyarakatnya.

- Isu Politik dalam komuniti

Isu politik dalam komuniti muncul apabila wujudnya watak pengamal sihir dalam komuniti yang mana mempunyai kementerian mereka sendiri iaitu Kementerian Sihir (Ministry of Magic) sebagai satu badan pentadbiran terhadap ahli-ahli sihir. Kementerian ini mempunyai Majlis Tertinggi, Council, jabatan-jabatan dan mahkamah. J.K Rowling sebagai pengarang novel bersiri ini turut menyentuh tentang Menteri Sihirnya (Cornelius Fudge) yang mudah dibeli oleh Lucius Malfoy yang merupakan seorang pengikut Voldermort yang setia.

Dalam novel ini turut memaparkan tentang bagaimana Fudge yang ingin mengekalkan kedudukannya dan sokongan masyarakat sihir kepadanya dengan menyatakan bahawa kemunculan Voldermort hanyalah tanggapan Harry Potter sahaja. Fudge juga menggunakan pengaruhnya untuk mengawal media massa dalam supaya tidak melaporkan perkara sebenar tetapi hanya perkara yang ingin didengari oleh komuniti supaya mereka rasa selamat.

Kementerian Sihir yang diwujudkan dalam novel bersiri ini terletak di kota London dan berada jauh di bawah tanah dan berfungsi sebagai badan pemerintah bagi masyarakat sihir di Britain yang menggantikan Majlis Ahli-ahli Sihir. Kementerian Sihir yang wujud itu menjalankan amanah yang telah diberikan oleh masyarakat sihir yang mana dipilih melalui pilihanraya ahli-ahli sihir dan mempunyai tiga bahagian utama iaitu bahagian eksekutif, perundangan dan kehakiman. Kementerian tersebut dibahagikan kepada tujuh jabatan dan mempunyai pegawai pecahan yang mempunyai pejabat-pejabat yang berbeza dan menguruskan aspek-aspek yang berbeza dalam dunia sihir. Jabatan yang berlainan akan berkomunikasi dan berinteraksi menggunakan "Memo antara jabatan" iaitu kapal terbang kertas yang berwarna ungu pudar yang akan terbang ke lokasi yang dikehendaki dengan sendirinya.

Kewujudan kementerian sihir boleh dibuktikan dalam novel ini apabila Harry Potter telah menerima surat amaran kerana telah menyalahgunakan kuasa sihir ke atas Muggle. Dalam surat tersebut, kementerian sihir menyatakan kesan akibat penggunaan sihir tersebut kepada Harry Potter. Berikut merupakan isi kandungan surat tersebut:

“Encik Potter yang dihormati,
Kami baru sahaja menerima laporan bahawa Menteri Melayang telah digunakan di kediaman anda pada jam Sembilan dua belas minit malam.
Seperti yang diketahui, ahli sihir bawah umur tidak dibenarkan menggunakan sihir di luar kawasan sekolah, dan penggunaan yang berterusan boleh menyebabkan anda akan dibuang sekolah (Perintah Sekatan Penggunaan Sihir bagi Ahli Sihir Bawah Umur, 1875 Perenggan C).

Kami juga ingin mengingatkan bahawa sebarang aktiviti sihir yang boleh menarik perhatian anggota komuniti bukan sihir (Muggle) merupakan suatu kesalahan berat, dibawah syeksen 13 Gabungan Antarabangsa Undang-Undang Rahsia Sihir.

Selamat bercuti!
Yang benar,
Malfalda Hopkirk
Pejabat penyalahgunaan sihir
Kementerian sihir.”

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (1): 19)

Merujuk kepada surat yang diterima oleh Harry Potter seurus sahaja mantera melayang dikesan digunakan dirumah pak cik dan mak ciknya, Harry telah menerima sepucuk surat amaran daripada Kementerian Sihir. Surat tersebut menyatakan bahawa Harry Potter telah melakukan kesalahan dibawah syeksen 13 undang-undang rahsia sihir supaya tidak menggunakan sihir keatas Muggle, iaitu masyarakat yang tidak mempunyai ilmu sihir.

Hal ini adalah jelas menunjukkan tugas Kementerian Sihir dalam memantau ahli-ahli sihir supaya mematuhi undang-undang sihir dan sebarang penyalahgunaan kuasa sihir yang melanggar undang-undang yang

ditetapkan akan dipanggil dan dibicarakan di Kementerian Sihir tersebut. Dengan itu, jelaslah bahawa isu politik dan komuniti masyarakat menerusi novel ini ada dan berfungsi mengikut ketetapan yang diberikan dan perlu dipatuhi oleh setiap lapisan masyarakat ahli sihir.

- Isu Politik ‘terrorism’

Menurut Wikipedia, perkataan ‘terrorism’ ataupun keganasan ini merujuk kepada manipulasi ketakutan secara sistematik terutamanya dengan cara paksaan. Hal ini juga termasuk tindakan-tindakan yang berniat untuk menimbulkan ketakutan dan dilakukan untuk mencapai matlamat ideologi dan dengan sengaja menyasarkan kepada golongan yang dikehendaki. Disamping itu juga, keselamatan masyarakat atau pesekitaran golongan yang disasar sama sekali tidak dihiraukan dan diambil peduli, yang ada hanyalah berfokuskan terhadap golongan sasaran sahaja.

Berbalik kepada siri novel terjemahan Harry Potter ini, isu keganasan mula ditimbulkan oleh pengarangnya semasa memaparkan saat kebangkitan semula Voldermort. Kebangkitan semula Voldermort ini boleh menyebabkan pelbagai bencana kepada komuniti sama ada komuniti ahli sihir atau komuniti Muggle. Disebabkan rasa ingin bangkit semula yang ada dalam diri Voldermort, dia sanggup melakukan apa sahaja agar niatnya tercapai seperti melakukan kekejaman dengan cara membunuh kaum ahli sihir yang bukan berdarah tulen.

Hal ini boleh dibuktikan melalui kata-kata Tom Riddle (Voldermort) ketika bersoal jawab dengan Harry Potter: “bukankah telah saya katakan tadi, bahawa membunuh darah lumpur tidak lagi bererti buat saya? Sejak beberapa bulan kebelakangan ini, matlamat saya yang baru adalah..kamu.”

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (1): 310)

Kata-kata Voldermort ini membuktikan dia tanpa segan silu membunuh ahli sihir yang bukan berdarah tulen kerana ingin meneruskan niat dan jejak langkah keturunannya iaitu Salazar Slytherin yang hanya mahukan ahli-ahli sihir yang berketurunan asli iaitu yang berdarah tulen sahaja patut wujud di dalam dunia sihir mereka. Pencemaran kaum kerabat ahli sihir adalah perkara yang sangat dibenci oleh Voldermort. Oleh sebab itu dia berusaha untuk membunuh ramai ahli sihir campuran termasuklah kedua ibu bapa Harry Potter iaitu James Potter (darah tulen) dan Lily Evans (muggle) dan juga Harry Potter walaupun ketika itu dia masih bayi lagi. Malangnya Harry Potter terselamat daripada serangan tersebut dan hanya mendapat luka yang kecil sahaja dan kuasa Voldermort musnah ketika serangan tersebut.

Hal ini berlaku kerana Harry Potter dipertahankan oleh kuasa kasih sayang ibunya yang rela menjadi benteng pertahanan kepada Harry Potter dan menahan serangan tersebut dengan badannya sambil memeluk Harry Potter supaya kekal selamat dalam pelukannya. Hal ini dapat dibuktikan melalui kata-kata Harry Potter kepada Voldermort ketika ditanya bagaimana dia boleh selamat daripada serangan tersebut:

“Tak seorang pun tahu mengapa kamu kehilangan kuasa kamu semasa menyerang saya, saya sendiri pun tidak tahu. Tapi saya tahu kenapa kamu tidak dapat membunuh saya. kerana ibu saya mati ketika cuba menyelamatkan saya. Ibu saya, manusia biasa kelahiran Muggle, dia yang menghalang kamu daripada membunuh saya...”

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (1): 314)

Di samping itu, Voldermort mempunyai ramai pengikut. Ideologi yang dibawa oleh Voldermort dipersetujui dan menjadi ikutan kepada pengikutnya. Dengan ini dapat dibuktikan bahawa keganasan juga merupakan satu bentuk politik yang dipaparkan dalam siri novel Harry Potter. Politik yang berorientasikan keganasan dalam siri novel ini adalah bertujuan untuk memaparkan kuasa baik dan jahat yang sering kali tidak sehaluan dan berada pada landasan yang berbeza. Politik keganasan membuktikan bahawa kuasa jahat yang mempengaruhi individu tertentu boleh mengakibatkan individu tersebut bertindak melakukan apa sahaja asalkan memuaskan hatinya. Isu politik keganasan ini juga dapat diumpamakan seperti tindakan menghalalkan cara demi cita-cita yang diinginkan dan digunakan oleh pemerintahan Hitler di dalam dunia nyata pada suatu ketika dahulu.

Seterusnya, amalan sosiobudaya juga berkaitan dengan ekonomi, iaitu merupakan satu cabang ilmu yang berkaitan dengan asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang, dan perkhidmatan serta masalah yang bersangkutan dengannya. Menurut Kamus Bahasa Arab-Bahasa Melayu Edisi Kedua dalam bahasa Arab pula perkataan ekonomi diambil daripada kata *iqtsad* yang berasal dari *qasad* yang membawa maksud kesederhanaan atau pertengahan. Dengan kata lain, ekonomi merupakan satu bidang kajian tentang pengurusan sumber kepada individu, masyarakat dan negara untuk meningkatkan kesejahteraan hidup manusia.

Menurut Smith, (2006), ekonomi merupakan penyelidikan tentang keadaan dan sebab adanya kekayaan negara manakala Abraham Maslow (1908-1970) pula mengatakan ekonomi sebagai satu bidang sains praktikal tentang cara-cara untuk menyelesaikan masalah keperluan asas manusia melalui pengemblengan segala sumber ekonomi yang ada seperti tanah, buruh, usahawan dan juga modal dengan menggunakan prinsip serta teori sistem ekonomi yang dianggap efektif dan efisien.

Dalam sistem ekonomi, cara pengendalian wang adalah sangat penting. Pengendalian ini merujuk kepada tatacara pengurusan wang masuk dan keluar yang mana perlu diseimbangkan supaya keberlangsungan kehidupan dengan tenang dan harmoni. Wang yang masuk perlu disimpan untuk kegunaan pada masa yang akan datang sama ada disimpan dalam bentuk wang tunai ataupun dengan barangan yang mana boleh mendatangkan nilai di kemudian hari seperti emas dan permata.

Novel terjemahan Harry Potter ini turut memaparkan tentang urusan penyimpanan dan pengeluaran wang berlaku di sebuah bank ahli sihir yang dinamakan Gringotts. Gringotts mempunyai satu bangunan yang berwarna putih dan menjulang tinggi diantara kedai-kedai yang lain yang berada di Diagon Alley. Para pelanggan yang berurusan dengan Bank Gringotts perlu melalui sebuah pintu gangsa yang berkilat dan disitu terdapat seekor Goblin yang memakai uniform merah menyala dan keemasan sebagai penjaga. Disamping memberi perkhidmatan perbankan kepada ahli sihir, Gringotts juga berfungsi sebagai pusat penukaran wang iaitu penukaran wang ahli sihir kedalam mata wang Muggle dan juga sebaliknya. Berikut merupakan perbualan di antara Harry Potter dan Hagrid mengenai bank tersebut:

“ahli sihir ada bank?”

“hanya satu.Gringotts. Dikendalikan oleh goblin”jawab Hagrid

Potongan sosej yang dipegang oleh terjatuh.

“Goblin”?

“Ya...tidak ada seorang pun yang akan berani merompaknya. Jangan main-main dengan goblin, Harry. Gringotts merupakan tempat yang palins selamat di dunia untuk menyimpan barang... selain Hogwarts.

(Sumber: Harry Potter dan Batu Hikmat muka surat (3): 65)

Gringotts merupakan tempat simpanan yang paling selamat dalam dunia sihir tersebut. Hal ini adalah kerana mustahil untuk merompak Gringotts kerana dilindungi oleh mentera dan jampi. Disamping itu juga Gringotts dikawal oleh naga-naga dan terletak diberatus-ratus batu dibawah kota London dan diselidikan oleh Goblin. Goblin digambarkan memiliki jari-jari dan kaki yang kurus dan panjang, mempunyai mata yang bewarna hitam. Goblin mempunyai pandangan yang berbeza dengan ahli sihir tentang pemilikan sesuatu benda. Dengan adanya, bank Gringotts untuk menyimpan barang dan wang jelaslah bahawa komuniti di dalam novel Harry Potter ini juga mengamalkan amalan pengurusan wang yang baik agar ekonomi dan tahap hidup mereka sentiasa dalam keadaan harmoni.

Di samping itu, terdapat amalan perniagaan yang diamalkan oleh masyarakat ahli sihir iaitu di Pekan Hogsmeade dan Diagon Alley yang mana menguruskan semua urusan tentang barangan ahli sihir seperti menyediakan jubah sekolah, peralatan sihir dan juga buku-buku rujukan. Urusan jual beli ini adalah menggunakan mata wang sihir iaitu Sickle. Dalam siri novel Harry Potter ini, urusan dikatakan lebih banyak berlaku di Diagon Alley ini yang mana merupakan sebuah jalan di London yang sama seperti laluan kedai. Ianya menjadi hab atau pusat ekonomi bagi masyarakat sihir kerana mempunyai pelbagai kedai yang membekalkan segala keperluan seperti kedai Ollivander iaitu pembuat tongkat sakti sejak 382 SM, kedai jubah Puan Malkin, kedai buku Flourish & Blotts, Emporium Burung Hantu Eeylops, Pembekal Quidditch Berkualiti dan juga Kedai Minuman Leaky Cauldron. Diagon Alley ini hanya boleh dilihat oleh ahli sihir sahaja, namun golongan Muggle yang mempunyai anak yang belajar di ekolah sihir Hogwarts juga boleh menemui dan berurusan di sini. Untuk sampai ke Diagon Alley ini, seseorang itu mesti menghampiri satu dinding tembok yang terletak di bahagian luar belakang Leaky Cauldron dan mengetuk sebiji bata yang boleh dijumpai tiga batu keatas dan dua melintang sebanyak tiga kali. Oleh kerana tempat ini sentiasa sibuk, Diagon Alley biasanya dikunjungi oleh ahli sihir dengan menggunakan Sihir Muncul Tiba-tiba ataupun dengan menggunakan Rangkaian Floo. Disamping Diagon Alley, terdapat juga satu lagi kawasan deretan kedai iaitu Knockturn Alley yang mana terkenal dengan kedai-kedai yang teruk seperti kedai Borgin dan Burkes yang menawarkan objek-objek jahat yang berkaitan dengan Ilmu Hitam.

Seterusnya, dalam novel terjemahan Harry Potter ini juga wujudnya sistem ekonomi berlandaskan pengurusan syarikat. Urusan pentadbiran dan perniagaan syarikat dalam novel ini diuruskan oleh Muggle. Vernon Dursley merupakan seorang Muggle mempunyai sebuah syarikat pembuat gerudi dan beliau merupakan pengarah syarikatnya. Perniagaan gerudi yang dilakukan olehnya mendapat sambutan orang ramai dan ini terbukti apabila keuntungan yang dicatatkan semakin meningkat

setiap tahun. Beliau sentiasa memfokuskan kerjayanya dan sentiasa berbangga dengan pencapaian syarikatnya tersebut. Berikut merupakan contoh ucapan yang dibuat oleh Pak Cik Vernon berkaitan dengan kejayaan kilang gerudinya:

Tiba-tiba Pak Cik Vernon berdehem kuat sambil berkata. “Seperti yang kita ketahui, hari ini merupakan hari yang paling penting.”

Harry mendongak, hampir-hampir tidak percaya. Pak Cik Vernon hendak mengumumkan ulang tahunnya?

“Hari ini mungkin hari yang paling bertuah dalam kerjaya saya,” kata Pak Cik Vernon.

Harry kembali memakan roti bakarnya. Oh...Pak Cik Vernon hendak memberitahu tentang majlis makan malam yang bodoh itu, fikir Harry dengan rasa kecewa. Sejak dua minggu lalu, itulah sahaja yang sering diperkatakan oleh Pak Ciknya.

Seorang pengusaha yang kaya raya bersama isterinya hendak makan malam di rumah itu dan Pak Cik Vernon sangat berharap pengusaha itu akan membuat tempahan yang besar daripada syarikatnya (syarikat Pak Cik Vernon membuat alat gerudi).

“Saya rasa kita perlu menyemak semula jadual kita sekali lagi,” kata Pak Cik Vernon.

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 4-5)

Kata-kata Pak Cik Vernon jelas menunjukkan bahawa terdapatnya sistem ekonomi berlandaskan syarikat yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat novel ini, malah mereka berusaha keras untuk memajukan syarikat mereka dengan mengadakan usaha sam dengan individu lain yang ingin terlibat khususnya pihak-pihak yang kaya. Pelbagai sistem ekonomi yang dipaparkan dalam novel ini secara tidak langsung sebenarnya menjelaskan bahawa orientasi kehidupan masyarakat di dalam novel ini pelbagai yang mewujudkan kelas sosial yang berbeza.

4. RUMUSAN

Secara keseluruhannya teori yang dikeluarkan oleh Fairclough (1992) untuk mengenalpasti bentuk amalan praktis sosial merangkumi pelbagai aspek, yakni bukan sahaja setakat aktiviti individu tertentu atau menggambarkan angkubah situasi sahaja, tetapi turut merujuk kepada usaha menjelaskan persoalan yang berkaitan dengan pelbagai orientasi seperti ekonomi, politik, budaya, ideologi dan sebagainya. Amalan sosiobudaya yang digambarkan dalam teks novel bersiri Harry Potter ini merangkumi semua tatacara kehidupan dari segi ideologi, politik dan sebagainya berjaya diserapkan oleh J.K. Rowling. Pemaparan sebegini menunjukkan novel sains fiksi ini masih berlandaskan corak dan gaya kehidupan sebenar masyarakat di dunia. Garapan idea yang kreatif dan gabungan amalan sosiobudaya yang mudah difahami dan sesuai untuk seluruh masyarakat seluruh dunia menjadikan cerita yang ingin disampaikan menerusi novel ini difahami dan diterima umum sebagai salah sebuah karya terbaik yang berjaya mendeskripsikan kehidupan masyarakat ahli sihir dan manusia biasa. Kemampuan memasukkan aspek amalan sosiobudaya dengan jelas menunjukkan praktis amalan sosial dan budaya kehidupan masyarakat ahli sihir dan masyarakat manusia biasa mempunyai persamaan dan perbezaan tertentu walaupun berkongsi konsep yang sama.

RUJUKAN

- [1] Anang Sontoso. (t.t.). Jejak Halliday dalam Linguistik Kritis dan Analisis Wacana Kritis. <http://www.searchinpdf.com/JEJAK-HALLIDAY-DALAM-LINGUISTIK-KRITIS-DAN-ANALISIS-WACANA-KRITIS> (10/1/1012).
- [2] Analisis dalam Wacana Kritis dalam Novel Aku Lupa Bahwa Aku Perempuan. (t.t.). <http://repository.usu.ac.id/bitstream/123456789/18475/3/Chapter%2011.pdf> (7/1/20
- [3] 12).
- [4] Apakah Spiritual dan Okultisme?. (t.t.). <http://www.id.amazinghope.net/apakah-spiritualisme-dan-okultisme/> (23/4/2012).
- [5] Argus Filch. (t.t.). <http://mapyourinfo.com/wiki/ms.wikipedia.org/Argus%20Filch/> (22/4/2012)
- [6] Asmah Haji Omar. (1980). Analisis Wacana (Bahagian Pertama). Jurnal Dewan Bahasa, 24(3): 11-25. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [7] Asmah Haji Omar. (1980). Analisis Wacana (Bahagian Akhir). Jurnal Dewan Bahasa, 24(4): 9-25. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [8] Allen, G. (2000), Intertextuality, London: Routledge.
- [9] Bakhtin, M. (1981). The Dialogic Imagination. Austin: University of Texas Press.
- [10] BBC News. Rowling 'makes £5 every second' 3 October 2008. <http://news.bbc.co.uk/2/hi/entertainment/7649962.stm> (22/3/12).
- [11] Bonvillian, Nancy. (2003). Language, Culture, and Communication 4th Edition. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- [12] Brown, R & Gilman, A. (1960). The Pronouns of Power and Solidarity, Thomas A. Seebeek Edition, Style in Language, (253- 276) Massachusetts: M.I.T Press

- [13] Brown, R & Ford, M. (1964). Adress In American English, Dell Hymes. Language In Culture and Society, 234-244. New York: Harper & Row.
- [14] Brown. G. & Yule. G. (1988). Discourse Analysis. Cambridge: Cambridge University Press.
- [15] Candad. (2012). Interdiscursivity. <http://cadaad.net/glossary/interdiscursivity>. (2/3/2012)
- [16] Cresswell, J. W. (2005: 39). Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Traditions. California: SAGE Publications.
- [17] Course in General Linguistics. (2012). http://en.wikipedia.org/wiki/Course_in_General_Linguistics (20/4/2012).
- [18] Crookshanks. (t.t). <http://ms.wikipedia.org/wiki/Crookshanks>. (15/4/2012)
- [19] Dabbs, James, M. (1982). Varieties of Research. California: Sage Publications.
- [20] Dawn, A. and Peter Grubdy. (2001). The Pragmatics Reader. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- [21] David. Nunan. (1993). Introducing Discourse Analysis. England: Penguin Books Ltd.
- [22] Definisi Pengertian Ekonomi mengikut Para Ahli Ekonomi (t.t) http://carapedia.com/pengertian_definisi_ekonomi_menurut_para_ahli_info501.html (19/4/2012).
- [23] Ekonomi (t.t). <http://ms.wikipedia.org/wiki/Ekonomi> (10/4/2012).
- [24] Eriyanto. (2001). Analisis Wacana: Pengantar Analisis Teks Media. http://books.google.com.my/books?id=cpDAPMamimcC&printsec=frontcover&source=gbs_vpt_reviews#v=onepage&q&f=false (12/1/2012).
- [25] Fairclough, M. (1992). Discourse and Social Change Cambridge. Polity Press.
- [26] Fairclough, M. (1995). Critical Discourse Analysis. London: Longman.
- [27] George Boeree. C (1998). Abraham Maslo <http://webpace.ship.edu/cgboer/maslow.html/> (7/4/2012).
- [28] Harris, Z. (1952). Discourse Analysis Language, 28, 1952, hlm. 1-30.
- [29] Halliday Context. (t.t). http://www.studyplace.org/wiki/Halliday_Context (25/2/2012).
- [30] Halliday, M.A.K. (1985). Language, Context, and Text: Aspect of Language in a Social-Semiotic Perspective: Victoria: Deakin University Press.
- [31] Harry Potter. (t.t). Wikipedia The Free Encyclopedia. http://en.wikipedia.org/wiki/Harry_Potter#cite_note-Translations_for_Harry_Potter-2 (22/2/12).
- [32] Henry Guntur Tarigan. (1987). Pengajaran Wacana. Indonesia: Angkasa Bandung.
- [33] Henry Guntur Tarigan (1995). Pengajaran Wacana. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [34] Holmes, J. (2008). An Introduction to Sociolinguistics. 3rd Edition. Pearson Education Schweiz: Longman.
- [35] J.K.Rowling. (t.t). http://id.wikipedia.org/wiki/J.K._Rowling. (25/4/2012).
- [36] Kanchana Devi Sibeperegasan. (2007). Penterjemahan Perkataan Taksa: Satu Analisis berdasarkan Novel Harry Potter and And The Chamber of Secrets Oleh J.K.Rowling dan Hasil Terjemahannya Harry Potter dan BIlIk Rahsia. Tesis Sarjana Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- [37] Luc. (2011). Sains dalam Fiksyen Harry Potte karya J.K.Rowling.<http://pseudosains.blogspot.com/2011/08/sains-dalam-fiksyen-harry-potter-karya.html> (2/4/2012).
- [38] Idris Aman. (2006). Analisis Wacana. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- [39] Idris Aman. (2006). Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- [40] Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [41] Kamus Bahasa Melayu- Bahasa Arab Bahasa Arab- Bahasa Melayu (2010). Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- [42] Lei Mei Lee. (2005). The Discursive Costruction of Aids in Print Media. A Critical Discourse Analysis. Tesis Phd. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- [43] Muhammad Shahriar Haque. (2005). Discourse of Exclusion. A Critical Discourse Analysis of Recruitment Advertisement. Disertai Sarjana. Gombak. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- [44] Neuman, W.L. (2006). Sosial Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches 6th Edition. Boston: Allyn and Bacon.
- [45] Nunan, D. (1993). Introducing Discourse Analysis. England: Penguin Books Ltd.
- [46] Oktavianus. (2006). Analisis Wacana Lintas Bahasa. Padang: Andalas Universiti Press.
- [47] Palmer, F.R. (1989). Semantik. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [48] Penerbit Pelangi. (t.t). http://www.pelangibooks.com/v2/index.php?page=shop_product_details&flypage=flypage.tpl&product_id=8185&category_id=&keyword=Harry+potter&option=com_virtuemart&Itemid=108&la=n. (27/5/2012).
- [49] Peucheuq, M. (1982). Language, Semantic and Ideology. London: Macmillan.
- [50] Sihir dalam Harry Potter (t.t). http://ms.wikipedia.org/wiki/Sihir_dalamHarry_Potter (21.4.2012).
- [51] Senarai Watak Siri Novel Harry Potter. (t.t.). http://ms.wikipedia.org/wiki/Senarai_watak_siri_Harry_Potter. (21/5/2012).
- [52] Raphael, S. (1995). Text and Discourse Analysis. London and New York.
- [53] Renkema, J. (2004). Introduction To Discourse Studies. Philadelphia USA: John Benjamins Publishing Company.
- [54] Reginald. (1996). Nicholas Flamel The Book of Abraham the Jew. <http://www.alchemylab.com/flamel.htm>. (15/5/2012).
- [55] Ridyasmara. (2009). Sisi Gelap Okultisme Harry Potter. <http://id.shvoong.com/books/novel-novella/1951574-sisi-gelap-harry-potter/> (233/2012)
- [56] Roberts, Adam. (2000). Science Fiction (the New Critical Idiom). London: Routledge.
- [57] Selina Ooi Kim See. (2002). Representing Gender Through Language in “The Harry Potters Series” A Feminist Stylistic Analysis. Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan: Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- [58] Sarjit Singh & Zahid Emby. (2010). Pengantar Sains Sosial. Kuala Lumpur: Meteor.

- [59] Sara Mills. (1972). Discourse and Ideology. [http://book.google.com.my/books?id=5pUwqrcOyAic & pg=PA41](http://book.google.com.my/books?id=5pUwqrcOyAic&pg=PA41). (21/3/2012).
- [60] Teun A. van Dijk. Critical Discourse Analysis/: [http://www.discourse.org/OldArticles/ Critical %20discourse %20analysis.pdf](http://www.discourse.org/OldArticles/Critical%20discourse%20analysis.pdf) (8/1/2012).
- [61] Zulkifley Hamid. (1996). Bahasa: Konsep, Fungsi, dan Penguasaannya oleh Penutur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.